

## **Gaya Pembelajaran mempengaruhi Gred Pencapaian Kursus Pengukuran (DEE1012) Pelajar Diploma Semester Dua**

Gauri a/p Birasamy  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik,  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah  
E-mail: b.gauri@ptsb.edu.my

Husaini Aza Bin Mohd Adam  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik,  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah  
E-mail: husaini@ptsb.edu.my

Siti Farah Binti Hussin  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik,  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah  
E-mail: farah@ptsb.edu.my

### **Abstrak**

Gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam pencapaian pelajar. Keputusan peperiksaan kemungkinan baik atau sebaliknya adalah dipengaruhi oleh gaya pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik. Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 pelajar diploma semester dua bagi kursus Pengukuran (DEE1012) di Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Alat kajian yang digunakan ialah "Grasha-Reichmann Learning Styles inventory" telah digunakan untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran - bebas, bergantung, mengelak, bekerjasama, bersaing dan mengambil bahagian. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan pakej Statistic Package For Social Science (SPSS). Hasil kajian menunjukkan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh kebanyakan pelajar ialah gaya bergantung dengan skor min sebanyak 3.385 dan gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan yang dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala perbezaan gaya pembelajaran diantara lelaki dan perempuan tidak ketara iaitu 3.331 dan 3.475 masing-masing. Secara keseluruhannya didapati gaya pembelajaran bergantung adalah amalan pelajar Diploma Semester Dua Sesi Disember 2014.

**Keywords:** Gaya pembelajaran, Pengukuran, Pencapaian Gred

Learning styles play an important role in the student achievement. The best results in examination are influence by their learning style. The purpose of this research is to identify either student learning styles affected their academic achievement. The sample was consisted of 100 students in Semester Two for Measurement Course (DEE 1012), Electrical Engineering Department of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (TSB). "Grasha-Reichmann Learning Styles Inventory" was used to identify preferred learning styles - independent, dependent, evasive, collaborate, compete and participate. Data were collected and analyzed by Statistic Package for Social Sciences (SPSS). The results

showed that learning style practiced by most students were dependent learning style with a mean score of 3.385 and the learning styles do not have a relationship with academic achievement. Mean while there are no significant levels in the learning style between male (3.331) and female (3.475) student. Generally, it can conclude that learning styles dependent on the learning style practiced by the 2 Semester students (session 2 December 2014) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (TSB).

**Keywords:** Learning style, Measurement, Student Achievement

## 1. Pengenalan

"...kita tidak akan dapat pelajar yang berkualiti di sekolah menengah jika di sekolah rendah mereka tidak didedahkan dengan kualiti pendidikan yang baik. Sama juga di universiti untuk mendapat pelajar yang baik mestilah mereka mendapat pendidikan baik di sekolah menengah barulah mereka menjadi pelajar berjaya di universiti..."

(Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2006)

Petikan di atas yang diambil daripada ucapan bertajuk Pelajar Berkualiti Lahir Daripada Pendidikan Baik Di Semua Peringkat. Melalui ucapan bekas Perdana Menteri, beliau amat memberi penekanan terhadap setiap peringkat pendidikan anak-anak ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti dalam penyelidikan. Kebanyakan pemimpin pendidikan mula mengakui betapa pentingnya kita mengambil kira proses pembelajaran dan cara atau gaya individu - individu belajar sebagai kunci dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan. Ini bererti antara cabaran utama institusi pengajian tinggi masa kini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan juga untuk menyampaikan pengajaran yang sepadan dengan gaya pembelajaran tersebut.

Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan. Justeru itu, kepakaran guru diperlukan dalam menentukan gaya pembelajaran pelajar agar guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar. Melalui strategi yang dipilih itu, selain berpotensi meransangkan pelajar belajar secara aktif dan mampu membantu menganalisis konsep atau idea dimana berupaya menarik minat pelajar serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna.

Laporan statistik berkaitan dengan keputusan penilaian akhir sesi Disember 2014 PTSB mendapati statistik pencapaian bagi kursus Pengukuran (DEE1012) menunjukkan kurang daripada nilai 2.00 adalah seperserti berikut iaitu bagi program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) adalah 13 peratus, manakal bagi pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) sebanyak 12 peratus, dan bagi pelajar Diploma

Kejuruteraan Komputer adalah sebanyak 15 peratus. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 28 peratus pelajar memperolehi pencapaian kurang daripada nilai 2.00.

Masalah pencapaian gred yang rendah dikalangan pelajar bagi kursus Pengukuran (DEE1012) ini perlu diberi perhatian sewajarnya. Kursus Pengukuran merupakan kursus asas yang patut dikuasai oleh pelajar. Ini kerana kursus ini mempunyai kaitan dengan kursus-kursus semester seterusnya. Jika pelajar gagal menguasai kursus ini maka sudah tentu mereka mungkin mengalami masalah dengan kursus-kursus lain. Kelemahan ini boleh mengakibatkan pencapaian akademik yang rendah, mungkin juga pelajar terpaksa menambah semester dan secara tidak langsung kurangnya peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan juga untuk mendapat pekerjaan.

Justeru, banyak pihak telah mengutarakan pelbagai faktor yang menjadi punca kepada kelemahan ini di mana salah satu faktor tersebut adalah gaya pembelajaran pelajar. Gaya pembelajaran merupakan satu set ciri-ciri peribadi yang mempengaruhi bagaimana seseorang pelajar menerima, mengumpul dan memproses maklumat. Dalam bilik kuliah, para pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza.

Namun begitu, apa yang berlaku dalam bilik kuliah semasa proses pengajaran dan pembelajaran ialah pelajar diberitahu apa yang mereka patut belajar, bukannya bagaimana mereka perlu belajar. Pengajar kurang memberi penekanan kepada pelajar tentang gaya pembelajaran yang sesuai dan patut diamalkan oleh mereka. Dalam hal ini, para pelajar mungkin tidak mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan.

Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar diploma dalam mempengaruhi pencapaian akademik bagi kursus Pengukuran (DEE1012). Sampel terdiri daripada 100 pelajar diploma semester dua Jabatan Kejuruteraan Elektrik di PTSB. Hasil kajian menunjukkan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh kebanyakan pelajar ialah gaya bergantung dengan skor min sebanyak 3.385 dan gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan yang dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala perbezaan gaya pembelajaran diantara lelaki dan perempuan tidak ketara iaitu 3.331 dan 3.475 masing-masing. Secara keseluruhannya didapati gaya pembelajaran bergantung adalah amalan pelajar Diploma Semester Dua Sesi Disember 2014.

## **2.1. Soroton Kajian**

Tugas utama seorang pengajar atau guru adalah untuk memudahkan pembelajaran para pelajar. Bagi memenuhi tugas ini, pengajar atau guru

bukan sahaja harus dapat menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka juga perlu mencipta situasi pengajaran yang berkesan. Ini bermakna pengajar atau guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat merangsangkan minat pelajar untuk sentiasa memikirkan kebajikan dan keperluan mereka.

Pakar pendidikan dan pengkaji psikologi telah mengemukakan pelbagai teori pembelajaran seperti teori behavioris, teori kognitif, teori sosial dan humanis dalam usaha memahami cara mana pembelajaran berlaku. Teori-teori ini telah menolong para pengajar mengemukakan prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran yang telah dan sedang memandu amalan pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pembelajaran di Malaysia mahupun di seluruh dunia. Walau pun demikian, ternyata masih terdapat golongan pelajar signifikan yang 'kurang beruntung' dan juga tidak dapat mengoptimumkan peluang pembelajaran yang disediakan oleh institusi-institusi pendidikan ini.

Dalam usaha menyaingi negara maju, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memainkan peranan yang sama dan amat penting dalam menyediakan perkhidmatan cemerlang dan berkualiti untuk menghasilkan generasi yang berpotensi dan berilmu pengetahuan sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan institusi yang dapat menyediakan perkhidmatan pendidikan yang cemerlang dan unggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik. Politeknik adalah salah satu institusi pengajian tinggi yang melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia. Tetapi malangnya kualiti graduan yang dihasilkan tidak memenuhi kehendak pasaran dan menyebabkan kadar pengangguran meningkat.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ini ialah pelajar lebih cenderung pada sistem peperiksaan. Para pelajar belajar untuk lulus peperiksaan dan dapatkan segulung sijil bukannya mendapat ilmu pengetahuan yang luas. Di sini gaya pembelajaran memainkan peranan untuk membantu pelajar mengingat sesuatu yang dipelajari.

Setiap individu mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza dan tersendiri. Terdapat sebilangan pelajar lebih berminat dan cenderung kepada kaedah pembelajaran sendiri sedangkan sekumpulan yang lain lebih cenderung kepada kaedah aktiviti dalam kumpulan. Selain itu, terdapat juga pelajar yang memerlukan panduan yang jelas sebelum memulakan sesuatu projek dan terdapat juga pelajar yang sedia menerima sesuatu secara terbuka semasa memperolehi pengetahuan daripada pelbagai sumber.

Pembelajaran boleh berlaku melalui pelbagai cara. Sesetengah individu

hanya boleh melihat sesuatu secara konkrit manakala sesetengah individu yang lain pula boleh melihat sesuatu secara abstrak. Ini kerana cara pengamatan dan pemerolehan maklumat yang berlaku dalam manusia adalah berbeza-beza. Ini bermakna setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Kebanyakan pengajaran di peringkat tertinggi di Malaysia dijalankan secara kaedah visual dan auditori di mana pelajar banyak membaca serta menggunakan deria pendengaran untuk mendengar syarahan serta perbincangan dalam bilik darjah.

Secara umumnya, “learning is about how we perceive and understand the world, about making meaning” (Marton & Booth, 1997; dirujuk oleh Fry et al., 2003). Oleh itu, pembelajaran boleh merupakan prinsip abstrak, maklumat fakta, pemerolehan kaedah, teknik dan pendekatan melakukan sesuatu, idea, perlakuan yang bersesuaian bagi situasi tertentu, mengenali sesuatu, dan juga penaakulan (reasoning) (Fry et al., 2003). Pembelajaran dikatakan berlaku apabila terdapat perubahan dalam perlakuan pelajar hasil daripada penglibatannya dalam suatu pengalaman pendidikan (Nicholls, 2002).

### 3. Metodologi

#### 3.1. Kerangka konseptual

Satu kerangka teori kajian telah dibentuk disesuaikan daripada model Bryant (1974) serta dapatan-dapatan kajian yang diperolehi (seperti ditunjukkan dalam rajah 1). Dalam kerangka teori kajian, dianggapkan faktor jantina dan program mempengaruhi gaya pembelajaran. Seterusnya gaya pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

#### 3.2 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan dalam mengenalpasti hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar diploma semester dua dalam kursus Pengukuran (DEE1012). Menurut Syed Arabi (2002), rekabentuk tinjauan adalah merupakan satu kaedah kajian yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi dan kaedah ini adalah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji akan mengambil populasi seramai 134 pelajar diploma yang sedang belajar di JKE, PTSB. Merujuk pada jadual krejeie dan Morgan (1970) untuk penentuan sampel. Sampel kajian terdiri 100 daripada pelajar diploma semester dua dalam kursus Kejuruteraan Elektrik di PTSB. Mereka adalah pelajar kemasukan sesi Disember 2014 yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan.

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian kerana kaedah soal selidik mudah diuruskan dan data juga senang diperolehi untuk diproses dan dianalisis. Selain itu, instrumen ini juga menjimatkan masa dan kos. Alat kajian yang digunakan ialah “Grasha- Reichmann Learning Styles inventory” telah digunakan untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran - bebas, bergantung, mengelak, bekerjasama, bersaing dan mengambil bahagian.

### 3.3 Bahagian Soal Selidik

Soal selidik adalah satu alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seorang pengkaji. Soal selidik juga adalah borang yang menyediakan soalan-soalan dalam beberapa bahagian serta ruangan bagi responden untuk dijawab (Rohana Yusof, 2004).

Oleh itu, bagi tujuan mendapatkan maklumat dari responden kajian, pengkaji telah menyediakan satu set soal selidik. Di mana pengkaji telah membahagikan borang soal selidik kepada dua bahagian utama iaitu :

Bahagian A : Maklumat latar belakang diri responden.

Bahagian B : Item-item yang melibatkan gaya pembelajaran dari segi bebas, mengelak, bekerjasama, bersaing, bergantung dan mengambil bahagian. Rujuk jadual 3.1 untuk mengelaskan item mengikut enam gaya pembelajaran.

Jadual 3.1 Mengkelaskan item soal selidik mengikut enam gaya pembelajaran.

BIL	GAYA PEMBELAJARAN	ITEM-ITEM
1	bebas	1,7,13,19,25,31,37,43,49,55
2	mengelak	2,8,14,20,26,32,38,44,50,56
3	bekerjasama	3,9,15,21,27,33,39,45,51,57
4	bersaing	5,11,17,23,29,35,41,47,53,59

5	bergantung	4,10,16,22,28,34,40,46,52,58
6	mengambil bahagian	6,12,18,24,30,36,42,48,54,60

Kedua-dua bahagian soal selidik ini disediakan dalam bentuk skala Likert seperti dalam jadual 3.2. Di mana pengkaji sering membentuk soal selidik yang menggunakan skala ini, iaitu skala Likert yang telah dipopularkan pada tahun 1932. Skala Likert juga memberi pilihan jawapan kepada responden untuk menjawab setiap soalan. Subjek atau responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan skala yang diberikan iaitu sama ada “Setuju”, “Sangat Setuju”, “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju”.

Jadual 3.2 : Skala Likert

	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Setuju (S)	Sangat Setuju(SS)
Skor	1	2	3	4

(Sumber: Kembek dan Mahanom)

Hasil kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 30 orang responden menunjukkan cronbach`s Alpha adalah 0.815. Ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan terhadap item soal selidik adalah tinggi.

## 4 Dapatan Kajian

### 4.1 Jantina Responden

Sejumlah 100 responden terlibat di dalam penyelidikan ini iaitu daripada program DET, DEE dan DTK. Jadual 4.1 menunjukkan peratusan responden yang terlibat mengikut jantina. Seramai 63.0 % responden adalah terdiri daripada responden lelaki. Manakala baki selebihnya adalah terdiri daripada responden perempuan yang membawa jumlah sebanyak 37.0 %. Berikut adalah Jadual 4.1 iaitu bilangan responden mengikut jantina:

Jadual 4.1 : Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	63	63
Perempuan	37	37

Jumlah	100	100
--------	-----	-----

#### 4.2 Etnik

Jadual 4.2 menunjukkan peratusan etnik responden yang telah terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan responden daripada Etnik Melayu adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 96.0%. Manakala yang selebihnya adalah Etnik India iaitu sebanyak 4.0 %. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang belajar di PTSB adalah terdiri daripada Etnik Melayu. Berikut adalah Jadual 4.2 iaitu bilangan responden mengikut etnik:

Jadual 4.2: Bilangan Responden Mengikut Etnik

Etnik	Bilangan	Peratusan
Melayu	96	96
India	4	4
Jumlah	100	100

#### 4.3 Pencapaian Awal

Jadual 4.3 menunjukkan pencapaian awal responden sebelum melanjutkan pelajaran di PTSB. Peratusan pencapaian awal adalah SPM (Teknik/Vokasional) iaitu sebanyak 30.0%. Sebanyak 30.0% adalah responden yang mempunyai pencapaian awal SPM (Aliran Sains). Manakala pencapaian awal SPM (Aliran Sastera) mempunyai 32.0% dan diikuti dengan pencapaian awal daripada lain-lain sebanyak 8.0% sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian awal pelajar ke PTSB adalah majoriti yang mempunyai SPM (Teknik/Vokasional) dan sains. Berikut adalah Jadual 4.3 iaitu bilangan responden mengikut pencapaian awal.

Jadual 4.3 : Bilangan Responden Mengikut Pencapaian Awal

Pencapaian Awal	Bilangan	Peratusan
-----------------	----------	-----------



SPM (Aliran Sains)	30	30
SPM (Aliran Sastera)	32	32
SPM (Teknik/Vokasional)	30	30
STPM	0	0
Lain-lain	8	8
Jumlah	100	100

#### 4.4 Gred Bagi DEE1012

Berdasarkan kepada Jadual 4.4 di bawah, peratusan responden yang gagal adalah sebanyak 9.0% manakala peratusan pelajar yang lulus adalah sebanyak 91.0%. Gred yang paling ramai responden perolehi adalah gred C+ dan C yang mana masing-masing 21.0%. Peratusan yang kedua tertinggi adalah yang mendapat gred B+ sebanyak 15.0% dan diikuti dengan gred B- dan B yang mana masing-masing 13.0% dan 12.0%. Manakala gred yang dikategori cemerlang adalah gred A dan A- yang hanya memperoleh 4.0% dan 5.0% sahaja. Berdasarkan Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bilangan responden yang mendapat gred cemerlang adalah amat rendah. Berikut adalah Jadual 4.4 iaitu bilangan responden mengikut gred.

Jadual 4.4 : Bilangan Responden Mengikut Gred

Markah	Gred	Bilangan	Peratusan	Status
80 – 100	A	4	4	cemerlang
75 – 79	A-	5	5	cemerlang
70 – 74	B+	15	15	Baik
65 – 69	B	12	12	Baik
60 – 64	B-	13	13	Baik
55 – 59	C+	21	21	Lulus
50 – 54	C	21	21	Lulus
47 – 49	D	3	3	Gagal
44 – 46	D-	3	3	Gagal
40 – 43	E+	1	1	Gagal
30 – 39	E	2	2	Gagal
Jumlah		100	100	

#### 4.5 Gaya Pembelajaran Pelajar

Bahagian B adalah bahagian item utama yang dikemukakan dalam soal selidik di mana ia terbahagi kepada enam gaya pembelajaran iaitu mengambil bahagian, bebas, bekerjasama, bergantung, bersaing dan mengelak. Jadual 4.5 menunjukkan skor min perkaitan antara gred dan gaya pembelajaran. Bagi pelajar yang berada dalam kelas cemerlang

memiliki gaya pembelajaran bergantung dengan min sebanyak 3.677, diikuti dengan gaya mengambil bahagian iaitu min sebanyak 3.388. Gaya bekerjasama dan bersaing masing –masing berada pada tahap tinggi juga iaitu 3.255 dan 3.222. Manakala gaya mengelak kurang diamalkan oleh pelajar cemerlang iaitu sebanyak 2.188 pada tahap sederhana. Gaya bebas juga pada tahap sederhana iaitu pada 2.833. pelajar yang mendapat gred baik dan lulus juga mengikuti jejak pelajar cemerlang iaitu gaya pembelajaran yang dominan adalah bergantung diikuti dengan mengambil bahagian , bekerjasama dan bersaing. Gaya mengelak dan bebas berada pada tahap sederhana iaitu bagi kelas baik ialah 2.135 dan 2.712 dan bagi kelas lulus pula 2.276 dan 2.571 masing-masing. Berikut adalah Jadual 4.5 iaitu skor min perkaitan antara gred and gaya pembelajaran:

Jadual 4.5: Skor minnperkaitan antara gred dan gaya pembelajaran

BARU		LIBAT	GANTUNG	BERSAING	BEKERJA SAMA	BEBAS	MENGELAK
cemerlang	Mean	3.388	3.677	3.222	3.255	2.833	2.188
	Std. Deviation	0.252	0.210	0.349	0.339	0.335	0.344
baik	Mean	3.217	3.402	3.037	3.097	2.712	2.135
	Std. Deviation	0.289	0.266	0.317	0.293	0.283	0.340
lulus	Mean	3.100	3.323	3.066	3.076	2.571	2.276
	Std. Deviation	0.383	0.364	0.378	0.425	0.350	0.449
gagal	Mean	3.255	3.300	3.222	3.366	2.900	2.377
	Std. Deviation	0.371	0.3391	0.471	0.353	0.287	0.281
Total	Mean	3.187	3.385	3.083	3.127	2.681	2.221
	N	100	100	100	100	100	100
	Std. Deviation	0.343	0.325	0.362	0.369	0.331	0.389

Bagi kelas gagal, ada kelainan pengamalan iaitu gaya bekerjasama mendapat skor min sebanyak 3.366 diikuti dengan bergantung iaitu 3.30. seterusnya gaya mengambil bahagian mempunyai skor 3.255 dan bersaing ialah 3.222. pelajar ini juga kurang mengamalkan gaya bebas dan juga gaya mengelak dengan skor min sebanyak 2.9 dan 2.377 masing-masing. Secara keseluruhannya boleh dikatakan gaya bergantung, mengambil bahagian dan bekerjasama berada pada tahap tinggi dan tiga gaya lain berada pada tahap sederhana iaitu dari 3.083 hingga 2.221.

Jadual 4.6 pula menunjukkan perkaitan antara jantina dan gaya pembelajaran. Secara keseluruhan, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar adalah gaya pembelajaran bergantung di mana hampir keseluruhan pelajar bergantung kepada pensyarah untuk mencapai kelulusan dalam pembelajaran mereka. Ini dibuktikan dengan skor min perkaitan iaitu skor min yang diperolehi adalah 3.385. Berikut adalah Jadual 4.6 iaitu skor min perkaitan antara jantina dan gaya pembelajaran:

Jadual 4.6: Skor min perkaitan antara jantina dan gaya pembelajaran

JANTINA		LIBAT	BEBAS	BEKERJA SAMA	GANTUNG	BERSAING	MENGELAK
Lelaki	Min	3.13	2.642	3.119	3.331	3.077	2.250
Perempuan	Min	3.28	2.745	3.140	3.475	3.091	2.170
Total	Min	3.187	2.681	3.127	3.385	3.083	2.2210

## 5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pencapaian akademik pelajar tidak mempunyai pengaruh dengan gaya pembelajaran. Hampir keseluruhan pelajar mengamalkan gaya pembelajaran bergantung di mana pelajar suka mengharapkan pensyarah sebagai sumber mendapat ilmu pengetahuan bukannya berusaha sendiri. Manakala kajian terhadap perbezaan gaya pembelajaran lelaki dan perempuan pula tidak berbeza kerana skor minnya hampir sama dan kedua-dua kategori memilih gaya pembelajaran bergantung. Daripada kajian ini didapati bahawa pelajar diploma semester dua sesi Disember 2014 mengamalkan gaya pembelajaran bergantung.

Pelajar juga disarankan supaya mengamalkan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi pencapaian yang telah dimiliki kini. Kaedah pembelajaran yang kurang berkesan perlu diubah, di mana pelajar perlu belajar dengan lebih konsisten dari

peringkat awal semester lagi supaya dapat menguasai setiap mata pelajaran dengan lebih baik dan memperolehi pencapaian yang lebih cemerlang. Pelajar juga perlu sentiasa membuat perancangan yang teratur di dalam pembelajaran mereka agar mudah untuk mereka memberikan tumpuan di dalam sesuatu pelajaran.

Pelajar juga harus menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran di politeknik. Sikap yang terlalu bergantung kepada pensyarah perlu diubah dan sikap berdikari perlu ditanam dalam diri pelajar agar dapat menjalani proses kehidupan di politeknik dengan baik. Dengan itu, hasrat politeknik untuk menghasilkan graduan kelas pertama yang berkualiti, berkaliber, gemilang, cemerlang dan terbilang akan terlaksana.

Oleh itu, pensyarah dicadangkan supaya sentiasa mengamalkan kaedah pengajaran yang berkesan seperti mempelbagaikan kaedah pengajaran. Pensyarah juga disarankan supaya sentiasa berwatakan yang menarik dan sentiasa peka dengan keadaan pelajar bagi memberikan pelajar berasa disayangi dan diberi perhatian. Keadaan ini akan membuatkan pelajar lebih berminat untuk mengambil bahagian di dalam setiap aktiviti pembelajaran.

Pensyarah juga disarankan supaya sentiasa memberikan motivasi kepada pelajar untuk mereka lebih fokus dan komited di dalam pelajaran. Pensyarah juga perlu sentiasa menghargai setiap hasil tugas pelajar walaupun hasilnya tidak seberapa kerana penghargaan yang diberikan akan menambahkan minat pelajar untuk berusaha memperbaiki kelemahan yang ada.

Kajian yang dilaksanakan hanya melibatkan pelajar diploma semester dua sesi Disember 2014 sahaja. Dicapadangkan untuk kajian akan datang supaya kajian ini turut melibatkan semua pelajar diploma. Selain itu, kajian ke atas pencapaian pelajar di dalam pelbagai mata pelajaran juga boleh dilakukan. Pengkaji juga mencadangkan supaya kajian lanjutan yang akan dilaksanakan supaya mempelbagaikan faktor pengaruh yang lain di dalam pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan terhadap tahap kepuasan pensyarah yang mengajar turut di jadikan satu faktor di dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

## Rujukan

Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian (2009), bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Sektor Pengurusan Politeknik Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

Bernamea (2006, Februari). "Pelajar Berkualiti Lahir Daripada Pendidikan Baik Di Semua Peringkat, Kata Abdullah", Retrived from [http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/bm/news.php?id=181314&cat=sl](http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=181314&cat=sl)

Claire Weinstein (1987). "Psychology: The Science Behavior, Allyn & Bacon: Mc Graw Hill, Bonston

Dunn, R & Dunn, K. 1974. *Teaching students throught their individual learning styles: Apractical approach*. New Jersey Prentice Hill.

Felder, M.R. and Soloman, A. B. (1992). "Learning Style." North CarolinaStateUniversity. Diperolehi pada 4 Julai 2010 dari [http://www.nscu.edu/felder\\_public/papaers/learningstyle.html](http://www.nscu.edu/felder_public/papaers/learningstyle.html)

Felder, M.R. dan Silverman K. L. (2004). "Learning and Teaching Styles in Engineering Education." North CarolinaStateUniversity. Diperolehi pada 4 julai 2010 dari [http://www.nscu.edu/felder\\_public/papaers/learningstyle.html](http://www.nscu.edu/felder_public/papaers/learningstyle.html)

Ghazali Othman (1999). "Kesilapan Biasa Dalam Penyelidikan Pendidikan." Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Universiti Sains Malaysia. 33 – 50.

Honey, P and Mumford, A (1986). "Using Your Learning Styles." Maidenhead :Peter Honey.

Joseph Gomez (1999). "Gaya Pembelajaran: Satu Tinjauan Liteeratur." Jurnal Pendidikan Tigaenf 1999/2000, JLD 2:BIL 3.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). "Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan

Pendidikan.” Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Krejeie, R.V dan Morgan, D.W (1970). “ Determining Sample Size For Research, Educational and Psychological Measurement. Vol. 30. 607 – 610.

Mohd Majid Konting (2000). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Muqriz (2005). “Mahasiswa dan Ratu IPT.” 1 – 2. Diperolehi pada 4 Oktober 2005 dari <http://www.muqreez.blogspot.com.my> .

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). “Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik.” Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2003). “Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows. ” Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Mok Soon Sang (1996). “Pedagogi Satu Pengenalan.” Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Muhammad Rashid Rajuddin (2004). “Modul C: Kaedah P&P – Prinsip dan Amalan Pengajaran & Pembelajaran di IPT.” Johori: Universiti Teknologi Malaysia.

Norhamiza Mohd Nor (2005). “Sumbangan JERI Serta Kaitannya Dengan Kecemerlangan Akademik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik.” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan.

Norakmar (2006). “Hubungan Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Lulusan Matrikulasi Di Universiti (Kuittho)” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan..

Nurul Akmar Kamaruddin (2004). “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan di Politeknik-Politeknik KPM.” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan.

Rohana Yusof (2004). “Penyelidikan Sains Sosial.” Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sabri Ahmad (2003). “Kemahiran Belajar Berkesan.” Kuala Lumpur : Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd.

Sulaiman Shamsuri (2004). "Research Methods for The Social Sciences: Made Simple." Klang, Selangor : DSS Publishing Enterprise.

Syed Arabi Idid (2002). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial." Hulu Kelang, Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka. 70.

Walter, R.B. dan Meredith, D.G. (1983). "Educational Research : An Introduction. Fourth Editon." New York&London : Longman.

Wiens, Joel H., Ed.D.(2005). "Effects of learning style and interaction on satisfaction of community college online learners" . Diperolehi pada 21 Julai 2010, dari <http://proquest.umi.com/pqdlink?Ver=1&Exp=09-042015&FMT=7&DID=1014303941&RQT=309&attempt=1&cfc=1>

Zailinda Yasak (2005). "Amalan Penilaian Akademik Terhadap Pelajar Kejuruteraan Politeknik. " Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Pendidikan.